



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

DOKUMEN SEBUT HARGA

**KERJA-KERJA MENGUBAH SUAI DAN MENAIK
TARAF SERTA HIASAN DALAMAN RUANG
PEJABAT BAHAGIAN PENGURUSAN WANG TAK
DITUNTUT, JABATAN AKAUNTAN NEGARA
MALAYSIA DI ARAS 1, BLOK UTARA SERTA
ARAS 1 & 2, BLOK SELATAN, BANGUNAN
PERBENDAHARAAN 2, PUTRAJAYA**

SEBUT HARGA: JANM BIL. 9/2021

ISI KANDUNGAN

BIL.	KETERANGAN	MUKA SURAT
1	NOTIS SEBUT HARGA	3
2	SENARAI SEMAKAN	4 – 5
3	ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA	6 – 8
4	SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA UNTUK KERJA	9 – 13
5	BORANG SEBUT HARGA	14
6	SPESIFIKASI TEKNIKAL	15 – 23
7	JADUAL HARGA	24 – 34
8	RINGKASAN SEBUT HARGA	35
9	JADUAL PELAKSANAAN	36
10	SENARAI KERJA DALAM TANGAN	37
11	SENARAI KERJA YANG TELAH DISIAPKAN	38
12	BORANG SENARAI BILANGAN & MAKLUMAT PEKERJA SYARIKAT	39

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A	– SENARAI PERALATAN	40
LAMPIRAN B	– SENARAI LAPORAN KERJA	41
LAMPIRAN C	– SENARAI PRODUK / BAHAN PEROLEHAN HIJAU	42
LAMPIRAN D	– PELAN ARAS 1 BLOK UTARA (PELAN A, B & C)	43 – 45
LAMPIRAN E	– PELAN ARAS 2 BLOK SELATAN	46 – 49
LAMPIRAN F	– PELAN ARAS 1 BLOK UTARA (OPEN WORKSTATION)	51
LAMPIRAN G	– PELAN ARAS 1 BLOK UTARA (COFFEE CORNER)	52
LAMPIRAN H	– PELAN ARAS 1 BLOK UTARA & SELATAN (KARPET)	53 – 54
LAMPIRAN I	– SURAT AKUAN PEMBIDA	55
LAMPIRAN J	– SURAT PERWAKILAN KUASA	56
LAMPIRAN K	– SURAT AKUAN PEMBIDA <i>PROTÉGÉ</i>	57

NOTIS SEBUT HARGA

KERJA-KERJA MENGUBAH SUAI DAN MENAIK TARAF SERTA HIASAN DALAMAN RUANG PEJABAT BAHAGIAN PENGURUSAN WANG TAK DITUNTUT, JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA DI ARAS 1, BLOK UTARA SERTA ARAS 1 & 2, BLOK SELATAN, BANGUNAN PERBENDAHARAAN 2, PUTRAJAYA.

SEBUT HARGA: JANM BIL. 9/2021

1. Sebut Harga adalah dipelawa daripada Kontraktor-Kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai pengkhususan seperti berikut:
 - 1.1 Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)
 - 1.2 Sijil Taraf Bumiputera
 - 1.3 Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)dalam **Kategori Bangunan (B)** mengikut gred dan had nilai perolehan berikut: -
Gred Nilai Perolehan: **G3**
Pengkhususan: **B28 – Kerja Ubahsuai**
2. Kontraktor adalah **amat digalakkan** untuk **membuat lawatan tapak bina sepanjang tempoh iklan Sebut Harga** ini. Semasa lawatan tapak, Kontraktor atau wakil Syarikat yang hadir dikehendaki mematuhi semua undang-undang dan peraturan berhubung penularan virus Covid-19 yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Setiap kakitangan yang hadir semasa lawatan tapak hendaklah memastikan operasi prosedur standard (*SOP*) **penjarakan fizikal** dan **pemakaian pelitup muka** dipatuhi sepanjang masa.
3. **Borang Sebut Harga** dan slaid taklimat boleh didapati **secara percuma** melalui laman web portal iklan Jabatan Akauntan Negara Malaysia – www.anm.gov.my **bermula dari 17 September 2021 hingga 24 September 2021.**
4. Borang Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga **tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, 24 September 2021 (Jumaat)** ke alamat seperti berikut:

**Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Bahagian Pembangunan Perakaunan Dan Pengurusan
Seksyen Pengurusan Kewangan Dan Perolehan
Aras 7, Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2
62594 Putrajaya**

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’

“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”

Saya yang menjalankan amanah,

.....
Datuk Dr. Yacob Bin Mustafa C.A.(M)

Akauntan Negara Malaysia

Tarikh: September 2021

SENARAI SEMAKAN

Sila Tandakan / Bagi Dokumen-Dokumen Yang Disertakan.

Bil	Perkara/Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
1.	Salinan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dari CIDB	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	Salinan Sijil Taraf Bumiputera (STB) dari BPKU (Kerja)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dari CIDB	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	Borang Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan Ditandatangani	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	Profil Syarikat	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6.	Penyerahan Brosur / Risalah / Katalog (jika ada)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7.	Carta Organisasi Syarikat / Pasukan Projek	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8.	Borang Senarai Bilangan & Maklumat Pekerja Syarikat Yang Terlibat	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi Tiga (3) Bulan Terakhir yang Disahkan oleh Pihak Bank (Jun, Julai dan Ogos 2021)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10.	Jadual Pelaksanaan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
11.	Senarai Kerja Dalam Tangan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
12.	Senarai Kerja Yang Telah Disiapkan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
13.	Senarai Produk / Bahan Perolehan Hijau (jika ada)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Bil	Perkara/Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
14.	Sijil Penyertaan PROTÉGÉ (jika ada)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
15.	LAMPIRAN I – Surat Akuan Pembida	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
16.	LAMPIRAN J – Surat Perwakilan Kuasa	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
17.	LAMPIRAN K – Surat Akuan Pembida Untuk Melaksanakan <i>Program Professional Training And Education For Growing Entrepreneurs (PROTÉGÉ)</i>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT	UNTUK KEGUNAAN JABATAN
<p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen Sebut Harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p> <p>Cop Kontraktor:</p>	<p>Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil.....(jika ada)</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p> <p>Tandatangan:</p>

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA / MENOLAK SEBUT HARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima Sebut Harga yang terendah atau mana-mana Sebut Harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebut Harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

2.1. Penyediaan Sebut harga

- a) Penyebut Harga adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:-
 - (i) Harga dan tandatangan Penyebut Harga di Ringkasan Sebut Harga;
 - (ii) Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut Harga;
 - (iii) Jadual Pelaksanaan;
 - (iv) Senarai Kerja Dalam Tangan;
 - (v) Senarai Pengalaman Kerja;
 - (vi) Jadual Kadar Harga (jika ada);
 - (vii) Butir-Butir Spesifikasi (jika ada);
 - (viii) Surat Akuan Pembida;
 - (ix) Surat Perwakilan Kuasa; dan
 - (x) Surat Akuan Pembida PROTÉGÉ.
- b) Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Penyebut Harga hendaklah menandatangani ringkas semua pembedulan;
- c) Kegagalan mengisi / menandatangani Borang Sebut Harga akan mengakibatkan Sebut Harga ditolak.
- d) Sekiranya terdapat percanggahan di antara maklumat yang dinyatakan dalam Ringkasan Sebut Harga dan Borang Sebut Harga, maklumat di dalam Borang Sebut Harga akan diberikan keutamaan;
- e) Sekiranya Penyebut Harga didapati memberikan maklumat palsu atau sengaja menyorok atau tidak memberikan mana-mana maklumat yang memberikan kesan negatif terhadap keupayaannya, Sebut Harganya akan ditolak dan tindakan tatatertib akan diperakukan terhadapnya.

2.2. 'Integrity Pact'

- a) Kesemua Penyebut Harga yang menghantar dokumen sebut harga hendaklah menandatangani Surat Akuan Pembida bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan projek. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akaun Pembida hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat. Format Surat Akuan Pembida adalah seperti di **Lampiran I** dan Surat Perwakilan Kuasa adalah seperti di **Lampiran J**.
- b) Surat Akuan Pembida tersebut adalah menjadi salah satu dokumen wajib dalam penilaian Sebut Harga. Sekiranya Penyebut Harga gagal mengemukakan surat akuan tersebut, Penyebut Harga akan dinilai sebagai gagal dalam penilaian Sebut Harga.

2.3. Penyerahan Dokumen Sebut Harga

- a) Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan Sebut Harga JANM Bil. 9/2021 serta tajuk Sebut Harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebut Harga pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.
- b) Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- c) Sebut Harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan atas sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

2.4. Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, Penyebut Harga boleh merujuk kepada:

Nama : Puan Roziwaty Binti Junaidi / Encik Syed Muhammad Hussin Bin Syed A Rahim

Alamat : Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 1, Blok Utara, Perbendaharaan 2
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 7 Persiaran Perdana, Presint 2,
62594 Putrajaya

Telefon : 03 – 8000 8621 / 03 – 8000 8622

E-mel : roziwaty.junaidi@anm.gov.my / smhussin.sarahim@anm.gov.my

3. TEMPOH SIAP KERJA

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh tidak melebihi **LAPAN (8) minggu** dari tarikh mula kerja yang dinyatakan di dalam Surat Setuju Terima (SST).

4. PERBELANJAAN PENYEDIAAN DOKUMEN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan Sebut Harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebut Harga sendiri.

5. TEMPOH SAH LAKU SEBUT HARGA

Tempoh sah laku sebut harga ini adalah sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup Sebut Harga. Penyebut Harga tidak boleh menarik balik tawaran yang dikemukakan sebelum tamat tempoh sah laku Sebut Harga. Laporan mengenai penarikan balik tawaran oleh Penyebut Harga akan dikemukakan kepada CIDB/BPKU untuk tindakan.

6. PROGRAM PROFESSIONAL TRAINING DAN EDUCATION FOR GROWING ENTREPRENEURS (PROTÉGÉ)

Penyebut Harga adalah digalakkan untuk melaksanakan program *PROTÉGÉ* seperti yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Penglibatan Penyebut Harga dalam program *PROTÉGÉ* akan dijadikan sebagai salah satu kriteria dalam penilaian sebut harga. Penyebut Harga yang mengemukakan sijil atau surat pengesahan daripada Sekretariat *PROTÉGÉ*, akan diberi keutamaan tidak kira sama ada program *PROTÉGÉ* dilaksanakan oleh inisiatif syarikat sendiri.

Penyebut Harga adalah wajib mengemukakan Surat Akaun Pembida untuk melaksanakan program *PROTÉGÉ* ini seperti di **Lampiran K** bersama dengan Dokumen Tawaran Sebut Harga. Sekiranya Penyebut Harga gagal mengemukakan Surat Akaun tersebut yang telah ditandatangani oleh penama di sijil CIDB, penyebut harga akan dinilai sebagai gagal dalam penilaian (gagal mengemukakan dokumen wajib) dan penilaian seterusnya tidak akan dilaksanakan.

Penyebut Harga hendaklah merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan (PP), Perolehan Kerajaan (PK) 1.2 – Pelaksanaan Program *Professional Training And Education For Growing Entrepreneurs (PROTÉGÉ)* untuk keterangan lanjut.

SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA UNTUK KERJA

1. PEMERIKSAAN TAPAK BINA

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, perkara-perkara luar jangkaan dan segala hal atau keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan sebut harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

2. INSURANS DAN PERKESO

- 2.1. Kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam dan Insurans Kerja* (sekiranya dinyatakan di dalam Butir-Butir Ringkasan Sebut Harga) bagi tempoh pelaksanaan kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.
- 2.2. Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan kerja. Bagaimanapun untuk tujuan memulakan kerja sahaja nota-nota perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah nota-nota perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pegawai Inden berhak mengambil tindakan seperti di bawah fasal 9(d).

3. PERATURAN PELAKSANAAN KERJA

- 3.1. Kerja-kerja yang hendak dilaksanakan hendaklah mematuhi spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebut Harga dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini dan arahan Pegawai Inden atau Wakilnya.
- 3.2. Kerja-kerja elektrik (jika ada) yang dilaksanakan disamping mematuhi kehendak di perenggan 3.1 di atas, hendaklah juga mematuhi semua peraturan dan pekeliling, undang-undang dan undang-undang kecil yang diluluskan oleh:
 - (i) Suruhanjaya Tenaga
 - (ii) Jabatan Keselamatan Pekerja dan Kesihatan
 - (iii) Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik
 - (iv) Jabatan Bomba dan Penyelamat
 - (v) Pihak Berkuasa Tempatan
 - (vi) Suruhanjaya Pengurusan Air Negara (SPAN)

4. KEGAGALAN KONTAKTOR MEMULAKAN KERJA

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam inden, tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden akan dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap kontraktor.

5. SUB-SEWA DAN MENYERAHHAK KERJA

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan kerja kepada Kontraktor-Kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahhak apa-apa faedah di bawah kontrak ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

6. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEGAWAI INDEN

- 6.1 Pegawai Inden atau wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Kontraktor hendaklah, apabila diminta oleh Pegawai Inden, memberi kepadanya baucar-baucar dan/atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh kontraktor sendiri.
- 6.2 Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.
- 6.3 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pegawai Inden secara bertulis.

7. RINGKASAN SEBUT HARGA

- 7.1 Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.
- 7.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyediaan kerja dengan sempurnanya.
- 7.3 Tiada sebarang tuntutan akan diayun bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah Sebut Harga atau dalam tempoh kerja.

- 7.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahannya. Persetujuannya sebelum itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dibuat sebelum kontrak kerja dikeluarkan.
- 7.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga menurut perenggan 7.4 tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaraskan dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.
- 7.6 Sekiranya Sebut Harga berasaskan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga Sebut Harga diselaraskan.

8. PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA

- 8.1 Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen Sebut Harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnyanya dari Dokumen Sebut Harga itu.
- 8.2 Jika kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga dia hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

9. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR

Pegawai Inden berhak membatalkan Inden sekiranya kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden:

- (a) Sekiranya kontraktor masih gagal menyiapkan kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;
- (b) Kemajuan kerja terlalu lembap tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (c) Pengantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (d) Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah; dan
- (e) Apabila kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

10. BAYARAN KEMAJUAN

Pegawai Inden dibenarkan membuat bayaran interim sehingga kerja-kerja siap dilaksanakan.

11. KERJA PERUBAHAN

11.1 Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Inden atau yang disahkan kemudian oleh Pegawai Inden boleh membatalkan Sebut Harga ini.

11.2 Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Jadual Harga / Jadual Kadar Harga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan kontraktor hendaklah digunakan.

12. PENGUKURAN KUANTITI SEMENTARA

Setelah kerja-kerja yang melibatkan Kuantiti Sementara disiapkan di tapak, pengukuran semula kuantiti hendaklah dibuat secara bersama.

13. TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (DLP)

13.1 Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi Sebut Harga hendaklah sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap. Bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrik dimana tempoh waranti ke atas alat-alat dan loji-loji adalah dua belas (12) bulan dan dalam kes-kes yang tertentu oleh kerana jenis dan kerumitan kerja, tempoh tanggungan kecacatan yang lebih lama daripada enam (6) bulan boleh dikenakan.

13.2 Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati sebut harga ini apabila diarahkan oleh Pegawai Inden dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor hendaklah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos kontraktor sendiri.

13.3 Sekiranya kontraktor gagal membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti yang diarahkan, Pegawai Inden berhak memotong kos membaiki dari baki wang yang akan dibayar kepada kontraktor atau, jika baki itu tiada atau tidak mencukupi, mengeluarkan surat pengesyoran kepada Pusat Khidmat Kontraktor untuk mengantungkan pendaftaran Kontraktor, dan menghantar salinan-salinan surat tersebut kepada Pengarah Kerja Raya Negeri/Ketua Jabatan, Bahagian Pembangunan Bumiputera, Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan.

14. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurna dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Walau bagaimanapun, Pegawai Inden hendaklah membuat potongan atau menahan sejumlah amaun dari wang yang akan dibayar kepada kontraktor sebagai kos untuk membaiki apa-apa kecacatan yang tidak dapat dibaiki oleh kontraktor di dalam tempoh tanggungan kecacatan.

15. PERAKUAN SIAP KERJA

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan. Tempoh Tanggungan Kecacatan bermula daripada tarikh siap kerja seperti di para 13.1.

16. PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan sebaik sahaja kontraktor telah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain.

17. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-Undang Kecil dan Undang-Undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

BORANG SEBUT HARGA

SEBUT HARGA: JANM. BIL 9/2021

Akauntan Negara Malaysia
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan
Aras 7, Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2
62594 Wilayah Persekutuan Putrajaya

Tuan,

Sebut Harga untuk **KERJA-KERJA MENGUBAH SUAI DAN MENAIK TARAF SERTA HIASAN DALAMAN RUANG PEJABAT BAHAGIAN PENGURUSAN WANG TAK DITUNTUT, JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA DI ARAS 1, BLOK UTARA SERTA ARAS 1 & 2, BLOK SELATAN, BANGUNAN PERBENDAHARAAN 2, PUTRAJAYA.**

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebut Harga, Syarat-Syarat Sebut Harga untuk Kerja, Spesifikasi Kerja dan Pelan-Pelan, saya yang bertandatangan di bawah adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak Ringgit Malaysia:

.....
.....(RM:.....)

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja dalam tempoh.....minggu dari tarikh akhir tempoh mula kerja seperti yang diarahkan oleh Pegawai Inden.

Bertarikh pada.....Haribulan.....2021

.....
(Tandatangan Kontraktor)

.....
(Tandatangan Saksi)

Nama Penuh:

Nama Penuh:

No. K/P:

No. K/P:

Alamat:.....

Alamat:.....

Atas Sifat:.....

Meteri Atau Cop Kontraktor

SPESIFIKASI TEKNIKAL

**KERJA-KERJA MENGUBAH SUAI DAN MENAIK TARAF SERTA HIASAN DALAMAN
RUANG PEJABAT BAHAGIAN PENGURUSAN WANG TAK DITUNTUT, JABATAN
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA DI ARAS 1, BLOK UTARA SERTA ARAS 1 & 2,
BLOK SELATAN, BANGUNAN PERBENDAHARAAN 2, PUTRAJAYA.**

SPESIFIKASI TEKNIKAL

A. KERJA-KERJA PERMULAAN

- 1 Penyebut Harga hendaklah menyediakan Polisi Pampasan Pekerja (*Contractor's All Risks*) dan *Workmen Compensation Insurance (WC)* dan lain-lain berkaitan dengan sebagai Syarat Sebutharga / Tender .
- 2 Penyebut Harga hendaklah menyediakan dan mengemukakan cadangan **Jadual Pelaksanaan** untuk **tempoh maksima 60 hari pelaksanaan kerja** (dari tarikh SST) dalam pertemuan pertama bersama JANM selepas sebaik sahaja dilantik. Jadual Pelaksanaan ini tertakluk kepada pindaan selepas perbincangan dan persetujuan bersama JANM. Perkara-perkara yang tersebut dalam Jadual Pelaksanaan ini juga adalah wajib disediakan dan dihantar oleh Penyebut Harga bersama dokumen sebut harga ini untuk dinilai semasa penilaian dilakukan. Jika tidak ianya boleh menyebabkan tawaran yang diberi tidak dapat dinilai atau ditolak.
- 3 Penyebut Harga hendaklah melantik perunding/konsultan yang bertauliah untuk pengesahan kerja sempurna dan kecacatan bagi semua kerja-kerja yang dilaksanakan. Konsultan yang dilantik ini hendaklah mengemukakan Laporan Pengesahan Kerja Sempurna dan Kecacatan kepada Pegawai Penguasa Jabatan untuk semakan, persetujuan dan pengesahan bayaran.
- 4 Penyebut Harga hendaklah menyediakan segala peralatan keselamatan, kepungan dan pelapik semasa kerja-kerja sedang dijalankan di kawasan bersesuaian berkaitan dengan kerja bagi mengelak kerosakan pada lantai, dinding pejabat serta dinding lif di Bangunan Perbendaharaan 2, Presint 2, Putrajaya. Penyebut Harga bertanggungjawab memastikan penggunaan peralatan-peralatan ini telah mendapat kebenaran dan mematuhi peraturan-peraturan berkaitan yang telah ditetapkan oleh Pihak Pengurusan Fasiliti Bangunan Kementerian Kewangan. (Sila kemukakan maklumat peralatan di **Lampiran A - Senarai Peralatan**)
- 5 Penyebut Harga hendaklah mengambil kira dalam Sebut Harga ini sebarang caj tambahan yang akan dikenakan oleh pihak Unit Pengurusan Fasiliti Bangunan yang terbit atau diakibatkan daripada kerja-kerja ubah suai dan menaik taraf serta hiasan dalaman ruang pejabat seperti Renovation Deposit, Caj Pengosongan, Penalti dan lain-lain.
- 6 Penyebut Harga perlu mendapatkan **permit kerja-kerja bangunan (Permit To Work - PTW)** yang berkaitan daripada pihak Pemilik Bangunan (Unit Pengurusan Fasiliti, Bahagian Dasar Saraan dan Pengurusan (BDSP), Kementerian Kewangan) **selewat-lewatnya 5 hari** sebelum memulakan kerja-kerja ubahsuai dan menaik taraf serta hiasan dalaman ruang pejabat.

- 7 Penyebut Harga hendaklah menyediakan dokumen-dokumen yang perlu setelah kerja-kerja siap dilaksanakan. Dokumen-dokumen tersebut termasuklah laporan-laporan kerja yang telah disahkan. (Sila kemukakan senarai laporan kerja yang akan disediakan di **Lampiran B - Senarai Laporan Kerja**)
- 8 Penyebut Harga hendaklah menyediakan bahan, peralatan dan tenaga kerja mahir yang mencukupi untuk pelaksanaan kerja-kerja ubahsuai dan menaik taraf serta hiasan dalaman ruang pejabat ruang pejabat dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- 9 Penyebut Harga hendaklah menggunakan kawasan pemunggahan (loading bay) di kawasan yang telah ditetapkan oleh pihak Unit Pengurusan Fasiliti Bangunan.
- 10 Penyebut Harga adalah bertanggungjawab untuk membayar/ mengganti/ membaiki segala kerosakan terhadap binaan asal atau ruangan asal pejabat yang terbit daripada kerja-kerja pengosongan ruang pejabat dan pemasangan semula ruang asal pejabat.
- 11 Penyebut Harga bertanggungjawab memastikan **semua kakitangan** yang terlibat dengan kerja-kerja reinstatement ini adalah **pemegang Kad Hijau CIDB** yang aktif dan memastikan **kakitangan terlibat yang berjawatan Supervisor** dan ke atas memiliki **NIOSH Passport**.
- 12 Penyebut Harga hendaklah **melaksanakan semua kerja-kerja pengalihan aset alih sedia ada** di tapak ubah suai pejabat ke lokasi yang ditentukan oleh Pegawai Penguasa, pengukuran semula/setting out, kerja-kerja pembersihan tapak sebelum, semasa dan selepas kerja-kerja siap dilaksanakan mengikut arahan daripada Pegawai Penguasa.
- 13 Kontraktor hendaklah menggunakan produk dari bahan mesra alam selaras dengan pelaksanaan **Perolehan Hijau Kerajaan** untuk semua pembekalan berkaitan. (sila rujuk Garis Panduan Perolehan Hijau Kerajaan (GGP) 3.0). (Sila kemukakan Senarai Produk / Bahan Perolehan Hijau di **Lampiran C – Senarai Produk / Bahan Perolehan Hijau**)
- 14 Penyebut Harga bertanggungjawab memastikan semua peraturan dan SOP semasa Kerajaan yang sedang berkuatkuasa dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dipatuhi sebelum memulakan kerja seperti berikut:
 - i Penyebut Harga bertanggungjawab memastikan semua pekerja termasuk pekerja asing telah menjalani ujian saringan Covid-19 (swab test) dan melampirkan **salinan keputusan saringan** tersebut dengan **salinan digital vaksinasi** mereka bersama dokumen **Permit-To-Work (PTW)** yang perlu dipohon daripada Unit Pengurusan Fasiliti Bangunan.
 - ii Penyebut Harga juga perlu mendapatkan Surat Kebenaran daripada MITI sebelum memulakan kerja-kerja ubahsuai bagi tujuan ini.
 - iii Penyebut Harga yang dilantik hendaklah memastikan semua kakitangan yang terlibat menggunakan aplikasi MySejahtera untuk mengimbas QR Code dan mesin pengimbas suhu setiap kali memasuki premis Jabatan untuk melaksanakan kerja.

B. KERJA-KERJA UBAH SUAI & NAIK TARAF RUANG PEJABAT

I KERJA-KERJA SEKATAN DINDING DALAMAN DAN PINTU

- 15 Kerja-kerja membuka dan memasang semula sekatan partition dinding asal dan pintu di **ruangan pejabat pegawai KPPK (I)** mengikut ukuran sebagaimana ditunjuk pada pelan ditandakan sebagai BILIK 1.

Lokaliti: Aras 1, Blok Utara

(Rujuk Lampiran D - Pelan Aras 1 Blok Utara - Plan A dan Keratan X)

- 16 Kerja-kerja memasang baru sekatan *frosted glass* dan pintu baru bagi dijadikan **ruangan Solat Lelaki dan Perempuan** dilaluan ruangan bekerja yang di jadikan mengikut ukuran sebagaimana pada plan dan ditandakan sebagai BILIK 2 & 3.

Lokaliti: Aras 1, Blok Utara

(Rujuk Lampiran D - Pelan Aras 1 Blok Utara - Plan B dan Keratan Y)

- 17 Kerja-kerja memasang baru sekatan gypsum board partition dan pintu baru bercermin bagi dijadikan ruangan pejabat Pembantu Peribadi (PA) kepada Timbalan Pengarah Pentadbiran mengikut ukuran sebagaimana pada plan dan ditandakan sebagai BILIK 4 termasuk membekal dan memasang pintu bercermin menggantikan pintu asal ke bilik Timbalan Pengarah Pentadbiran.

Lokaliti: Aras 1, Blok Utara

(Rujuk Lampiran D - Pelan Aras 1 Blok Utara - Plan C dan Keratan Z)

- 18 Kerja-kerja **meroboh sekatan dinding asal** dari jenis partition *Gypsum Board* bagi diadakan laluan ke Ruangan Café di Aras 2 Blok Selatan termasuk membekal dan **memasang pintu diruangan baru tersebut** mengikut ukuran yang ditunjukkan pada plan.

Lokaliti: Aras 2, Blok Selatan

(Rujuk Lampiran E - Pelan Aras 2 Blok Selatan)

- 19 Kerja-kerja **membuka dan memindahkan Meja Table Top** buatan dari bahan Marble dan binaan kayu yang tidak digunakan sebagaimana diruangan asal dapur yang ditandakan pada Plan.

Lokaliti: Aras 2, Blok Selatan

(Rujuk Lampiran E - Pelan Aras 2 Blok Selatan)

- 20 Kerja-kerja **menanggalkan sekatan dinding berbentuk kaunter serahan dokumen bertingkap** (binaan kayu dan kaca) di Aras 2 Blok Selatan dan **memindahkan ke lokasi baharu** di ruangan Call Center di Aras 1 Blok Selatan serta memasang semula dengan sempurna mengikut arahan Pegawai Penguasa.

Lokaliti: Aras 1 & 2, Blok Selatan

(Rujuk Lampiran E - Pelan Aras 2 Blok Selatan)

II KERJA-KERJA PEMASANGAN PAIP AIR UNTUK PEMASANGAN SINKI

- 21 Kerja-kerja **memecah dinding** dan **membina saluran paip air baharu** yang sesuai menggunakan sumber air dari tandas lelaki bagi tujuan mengadakan satu (1) unit Sinki di laluan Cofee Corner.

(Ditunjukkan sewaktu Lawatan Tapak)

Lokality: Aras 1, Blok Utara

C. KERJA-KERJA HIASAN DALAMAN & PEMBEKALAN

22 KERJA-KERJA MEMBEKAL & MEMASANG *OPEN CONCEPT WORKSTATION*

- i Membuka dan menanggal semua **workstation asal** di ruangan bekerja Aras 1 Blok Utara untuk dibawa ke stor simpanan Unit Pengurusan Fasilitas Bangunan.
- ii Mencadangkan rekabentuk, membina baharu, membekal dan menghantar serta memasang dengan sempurna **Open Concept Workstation** dengan mengambil kira kesesuaian kedudukan floor power point sedia ada (tanpa mengubah suai tetapan sedia ada pendawaian elektrik power point dan rangkaian internet/telefon) untuk kapasiti **28 orang kakitangan** untuk diguna pakai di ruangan bekerja Aras 1 Blok Utara sebagaimana dipersetujui oleh Pegawai Penguasa.

(Ditunjukkan sewaktu Lawatan Tapak)

(Rujuk Lampiran F - Pelan Aras 1 Blok Utara)

- iii Membekal, menghantar dan memasang **meja laci pedestal** untuk **28 kakitangan** mengikut warna dan rekabentuk yang dipersetujui oleh wakil Jabatan.
- iv Bahan dan produk yang digunakan pembekalan meja *workstation* dan meja laci pedestal ini hendaklah mempunyai **pengiktirafan MyHIJAU Mark (Produk)** yang dikendalikan oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
 - a. Mempunyai kriteria kandungan guna semula atau kitar semula dan bahan cemar yang mematuhi Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM (*Wood and Wood Based Material* atau *Workstation*) dan mendapat Skim Pelabelan Eko SIRIM yang dikeluarkan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. **atau**
 - b. Mematuhi skim pengurusan hutan secara mampan (*Forest Stewardship- Chain of Custody*) dan mendapat pensijilan Forest Stewardship Council (FSC) yang dikeluarkan oleh FSC Malaysia **atau** Programme for the Endorsement of Forest Certification (PEFC) yang dikeluarkan oleh Malaysian Timber Certification Council.

23 **KERJA-KERJA MEMBEKAL & MEMASANG KELENGKAPAN UNTUK PEWUJUDAN COFFEE CORNER DI ARAS 1 BLOK UTARA**

- i Membina baru , membekal , menghantar dan memasang dengan sempurna dua **(2) unit *Foldable Table Counter*** mengikut cadangan Kontraktor dilantik mengikut persetujuan Wakil Jabatan untuk di pasang di kawasan laluan bertingkap selepas Coffee Area baru di Aras 1 Blok Utara.
(Ditunjukkan sewaktu Lawatan Tapak)
- ii Membina baru , membekal , menghantar dan memasang dengan sempurna **Kitchen Wall Cabinet** mengikut cadangan Kontraktor dilantik mengikut persetujuan Wakil Jabatan untuk di pasang di ruangan yang telah ditentukan di Aras 1 Blok Utara.
- iii Membekal, menghantar dan memasang dengan sempurna satu **(1) unit Sinki** di laluan bertingkap Coffee Corner yang telah ditentukan menggunakan saluran paip yang telah dibina baharu menggunakan sumber air dari tandas lelaki serta memastikan kerja-kerja *waterproofing* berkaitan dilaksanakan dengan sempurna.
- iv Membekal, menghantar dan memasang dengan sempurna **dua (2) unit lampu *spotlight*** yang bersesuaian untuk pencahayaan *foldable table counter* yang dibina di laluan bertingkap *Coffee Corner* yang telah ditentukan dengan menggunakan sumber elektrik daripada *floor power point* sedia ada.
- v Membekal, menghantar dan memasang dengan sempurna tiga (3) unit **Lampu Dinding** yang bersesuaian di laluan bertingkap Coffee Corner yang telah ditentukan dengan menggunakan sumber elektrik daripada *floor power point* sedia ada.
- vi Bahan dan produk yang digunakan pembekalan *Foldable Table Counter* dan *Kitchen Wall Cabinet* hendaklah mempunyai **pengiktirafan MyHIJAU Mark (Produk)** yang dikendalikan oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
 - a. Mempunyai kriteria kandungan guna semula atau kitar semula dan bahan cemar yang mematuhi Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM (*Wood and Wood Based Material* atau *Workstation*) dan mendapat Skim Pelabelan Eko SIRIM yang dikeluarkan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. **Atau**
 - b. Mematuhi skim pengurusan hutan secara mampan (*Forest Stewardship-Chain of Custody*) dan mendapat pensijilan Forest Stewardship Council (FSC) yang dikeluarkan oleh FSC Malaysia **atau** Programme for the Endorsement of Forest Certification (PEFC) yang dikeluarkan oleh Malaysian Timber Certification Council.

- vii Peralatan cekap air untuk pemasangan sinki dan kerja saluran paip berkaitan perlu memenuhi syarat-syarat seperti berikut:
 - a. Mempunyai **pengiktirafan MyHIJAU Mark (Produk)** yang dikendalikan oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
 - b. Mempunyai **kriteria cekap air** yang mematuhi Skim Pelabelan Produk Cekap Air (*Water Efficient Products Labelling Scheme*; WEPLS) dan mendapat pelabelan Penarafan 3 atau 2 Bintang (*3-Star or 2-Star Rating*) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara Malaysia.
- viii Lampu Spotlight dan Lampu Dinding yang dibekalkan hendaklah mempunyai **pengiktirafan MyHIJAU Mark (Produk)** yang dikendalikan oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre **SERTA** mempunyai **kriteria cekap tenaga** yang mematuhi Standard Minima Prestasi Tenaga (*Minimum Energy Performance Standard*; MEPS) dan mendapat pensijilan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga Malaysia.

(Ditunjukkan sewaktu Lawatan Tapak)

(Rujuk Lampiran G – Pelan Aras 1 Blok Utara)

24 **KERJA-KERJA PEMBEKALAN & PEMASANGAN KARPET**

- i Kerja-kerja **menanggal karpet asal**, membawa keluar dari ruangan pejabat untuk dilupus/dibuang ke tapak pelupusan.
Lokality: Aras 1 Blok Utara (seluruh ruang) & Aras 1 Blok Selatan (bahagian Foyer sahaja)
(Rujuk Lampiran H - Pelan Aras 1 Blok Utara & Aras 1 Blok Selatan)
- ii Kerja - kerja fabrikasi , membekal baru dan **memasang Carpet Tile** berukuran 20 " x 20" berat 22 Oz - 25 Oz mengikut cadangan Warna / Corak yang dicadangkan oleh Kontraktor sebanding warna asal dan dipersetujui oleh Wakil Jabatan.
- iii Produk atau bahan *Carpet Tile* yang dibekal dan digunakan hendaklah mesra alam selaras dengan Garis Panduan Perolehan Hijau Kerajaan (GGP) 3.0.

Jenama: Sebanding

Lokality:

- **Aras 1 Blok Utara: 12,126 Kaki Persegi**
- **Aras 1 Blok Selatan: 784 Kaki Persegi**

(Rujuk Lampiran H - Pelan Aras 1 Blok Utara & Aras 1 Blok Selatan)

25 **KERJA-KERJA PEMBEKALAN & PEMASANGAN ROLLER BLIND**

- i Kerja-kerja **menanggal Vertical Blind** asal dan membawa keluar dari ruangan pejabat untuk dilupus/dibuang ke tapak pelupusan.
- ii **Membekal dan memasang baharu dengan sempurna Roller Blind** di keseluruhan ruangan bertingkap mengikut sebagaimana ketetapan Pegawai Penguasa.

- iii Produk atau bahan *Roller Blind* yang dibekal dan digunakan hendaklah mesra alam selaras dengan Garis Panduan Perolehan Hijau Kerajaan (GGP) 3.0.

Lokality:

- **Aras 1 Blok Utara: 3,330 Kaki Persegi**
 - **Aras 1 Blok Selatan: 2,280 Kaki Persegi**
 - **Aras 2 Blok Selatan: 2,580 Kaki Persegi**
- (Ditunjukkan semasa Lawatan Tapak)**

26 KERJA-KERJA PEMBEKALAN & PEMASANGAN WALLPAPER

- i Menanggalkan semua *wallpaper* sedia ada di seluruh ruang dan membawa keluar dari ruangan pejabat untuk dilupus.
- ii Membekal dan memasang dengan sempurna *wallpaper* baharu di ruangan dinding mengikut sebagaimana ketetapan Pegawai Penguasa.
- iii Produk atau bahan *wallpaper* yang dibekal dan digunakan hendaklah mesra alam selaras dengan Garis Panduan Perolehan Hijau Kerajaan (GGP) 3.0.

Lokality:

- **Aras 1 Blok Utara: 180 Kaki Persegi**
 - **Aras 1 Blok Selatan: 180 Kaki Persegi**
 - **Aras 2 Blok Selatan: 360 Kaki Persegi**
- (Ditunjukkan semasa Lawatan Tapak)**

- 27 Kerja-kkerja **menyusun semula dengan sempurna peralatan pejabat yang dialihkan** semasa kerja-kkerja pemasangan karpit baharu, *roller blind*, *Open Concept Workstation*, *wallpaper* dan lain-lain yang berkaitan.

D. PERATURAN SEMASA PELAKSANAAN KERJA

- 28 Penyebut Harga hendaklah mematuhi semua peraturan yang berkuatkuasa semasa kerja-kkerja ubah suai dan menaik taraf serta hiasan dalaman ruang pejabat dilaksanakan. Kerja hendaklah dimulakan dan disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Tarikh bermula kerja adalah seperti dinyatakan dalam Surat Setuju Terima.
- 29 Kerja-kkerja ubah suai dan menaik taraf serta hiasan dalaman ruang pejabat hendaklah mematuhi segala peraturan dan keperluan yang ditetapkan oleh Unit Pengurusan Fasiliti dan Unit Keselamatan Bangunan
- 30 Kerja-kkerja ubah suai dan menaik taraf serta hiasan dalaman ruang pejabat hendaklah mematuhi waktu operasi yang dibenarkan oleh pihak Unit Pengurusan Fasiliti dan Unit Keselamatan Bangunan seperti berikut:
- i **Hari Bekerja** – 9 am hingga 10 pm*
- **Untuk Kerja-Kerja Melibatkan Drilling dan Knocking (jika ada):*
- dari 7 pm hingga 10 pm (Isnin - Jumaat)
 - dari 9 am hingga 10 pm (Sabtu & Ahad)

ii **Sabtu, Ahad dan Cuti Umum** – 9 am hingga 10 pm

Nota: Sebarang permohonan tambahan masa kepada waktu operasi yang dibenarkan ini bergantung kepada budi bicara dan kelulusan Unit Pengurusan Fasiliti dan Unit Keselamatan Bangunan serta tempoh masa bekerja yang dibenarkan oleh MITI dalam tempoh Fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN).

- 31 Pihak JANM tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kemalangan pekerja Penyebut Harga.
- 32 Penyebut Harga adalah bertanggungjawab untuk membayar LAD atau apa-apa bayaran dikenakan oleh Unit Pengurusan Fasiliti Bangunan sekiranya kerja-kerja dilaksanakan tidak mematuhi spesifikasi/kehendak pemilik bangunan.
- 33 Penyebut Harga wajib memastikan kesemua operasi prosedur standard (SOP) serta peraturan-peraturan semasa Kerajaan berkaitan keselamatan dan kesihatan daripada MKN dan KKM bagi mengekang penularan Covid-19 dipatuhi sepanjang masa.
- 34 Penyebutharga hendaklah memastikan semua peraturan-peraturan keselamatan kerja yang lain dipatuhi dan dilaksanakan sepanjang masa.

KERJA-KERJA MENGUBAH SUAI DAN MENAIK TARAF SERTA HIASAN DALAMAN RUANG PEJABAT BAHAGIAN PENGURUSAN WANG TAK DITUNTUT, JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA DI ARAS 1, BLOK UTARA SERTA ARAS 1 & 2, BLOK SELATAN, BANGUNAN PERBENDAHARAAN 2, PUTRAJAYA

JADUAL TAWARAN HARGA

BIL	PERKARA	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	HARGA (RM)
A	KERJA-KERJA PERMULAAN				
1	Penyebut Harga hendaklah menyediakan Polisi Pampasan Pekerja (Contractor's All Risks) dan Workmen Compensation Insurance (WC) dan lain-lain berkaitan dengan sebagai Syarat Sebutharga / Tender.	Pukal	L/S		
2	Penyebut Harga hendaklah menyediakan dan mengemukakan cadangan Jadual Pelaksanaan untuk tempoh maksima 60 hari pelaksanaan kerja (dari tarikh SST) dalam pertemuan pertama bersama JANM selepas sebaik sahaja dilantik. Jadual Pelaksanaan ini tertakluk kepada pindaan selepas perbincangan dan persetujuan bersama JANM. Perkara-perkara yang tersebut dalam Jadual Pelaksanaan ini juga adalah wajib disediakan dan dihantar oleh Penyebut Harga bersama dokumen sebut harga ini untuk dinilai semasa penilaian dilakukan. Jika tidak ianya boleh menyebabkan tawaran yang diberi tidak dapat dinilai atau ditolak.	Pukal	L/S		
3	Penyebut Harga hendaklah melantik perunding/konsultan yang bertauliah untuk pengesahan kerja sempurna dan kecacatan bagi semua kerja-kerja yang dilaksanakan. Konsultan yang dilantik ini hendaklah mengemukakan Laporan Pengesahan Kerja Sempurna dan Kecacatan kepada Pegawai Penguasa Jabatan untuk semakan, persetujuan dan pengesahan bayaran.	Pukal	L/S		

4	<p>Penyebut Harga hendaklah menyediakan segala peralatan keselamatan, kepungan dan pelapik semasa kerja-kerja sedang dijalankan di kawasan bersesuaian berkaitan dengan kerja bagi mengelak kerosakan pada lantai, dinding pejabat serta dinding lif di Bangunan Perbendaharaan 2, Presint 2, Putrajaya. Penyebut Harga bertanggungjawab memastikan penggunaan peralatan-peralatan ini telah mendapat kebenaran dan mematuhi peraturan-peraturan berkaitan yang telah ditetapkan oleh Pihak Pengurusan Fasiliti Bangunan Kementerian Kewangan.</p>	Pukal	L/S		
5	<p>Penyebut Harga hendaklah mengambil kira dalam Sebut Harga ini sebarang caj tambahan yang akan dikenakan oleh pihak Unit Pengurusan Fasiliti Bangunan yang terbit atau diakibatkan daripada kerja-kerja ubah suai dan menaik taraf serta hiasan dalaman ruang pejabat seperti Renovation Deposit, Caj Pengosongan, Penalti dan lain-lain.</p>	Pukal	L/S		
6	<p>Penyebut Harga perlu mendapatkan permit kerja-kerja bangunan (Permit To Work - PTW) yang berkaitan daripada pihak Pemilik Bangunan (Unit Pengurusan Fasiliti, Bahagian Dasar Saran dan Pengurusan (BDSP), Kementerian Kewangan) selewat-lewatnya 5 hari sebelum memulakan kerja-kerja ubahsuai dan menaik taraf serta hiasan dalaman ruang pejabat.</p>	Pukal	L/S		
7	<p>Penyebut Harga hendaklah menyediakan dokumen-dokumen yang perlu setelah kerja-kerja siap dilaksanakan. Dokumen-dokumen tersebut termasuklah laporan-laporan kerja yang telah disahkan.</p>	Pukal	L/S		
8	<p>Penyebut Harga hendaklah menyediakan bahan, peralatan dan tenaga kerja mahir yang mencukupi untuk pelaksanaan kerja-kerja ubahsuai dan menaik taraf serta hiasan dalaman ruang pejabat dalam tempoh masa yang ditetapkan.</p>	Pukal	L/S		

9	Penyebut Harga hendaklah menggunakan kawasan pemunggahan (loading bay) di kawasan yang telah ditetapkan oleh pihak Unit Pengurusan Fasiliti Bangunan.	Pukal	L/S		
10	Penyebut Harga adalah bertanggungjawab untuk membayar/ mengganti/ memperbaiki segala kerosakan terhadap binaan asal atau ruangan asal pejabat yang terbit daripada kerja-kerja pengosongan ruang pejabat dan pemasangan semula ruang asal pejabat.	Pukal	L/S		
11	Penyebut Harga bertanggungjawab memastikan semua kakitangan yang terlibat dengan kerja-kerja reinstatement ini adalah pemegang Kad Hijau CIDB yang aktif dan memastikan kakitangan terlibat yang berjawatan Supervisor dan ke atas memiliki NIOSH Passport .	Pukal	L/S		
12	Penyebut Harga hendaklah melaksanakan semua kerja-kerja pengalihan aset alih sedia ada di tapak ubah suai pejabat ke lokasi yang ditentukan oleh Pegawai Penguasa, pengukuran semula/setting out, kerja-kerja pembersihan tapak sebelum, semasa dan selepas kerja-kerja siap dilaksanakan mengikut arahan daripada Pegawai Penguasa.	Pukal	L/S		
13	Kontraktor hendaklah menggunakan produk dari bahan mesra alam selaras dengan pelaksanaan Perolehan Hijau Kerajaan untuk semua pembekalan berkaitan.	Pukal	L/S		
14	Penyebut Harga bertanggungjawab memastikan semua peraturan dan SOP semasa Kerajaan yang sedang berkuatkuasa dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dipatuhi sebelum memulakan kerja seperti berikut:				

	i	<p>Penyebut Harga bertanggungjawab memastikan semua pekerja termasuk pekerja asing telah menjalani ujian saringan Covid-19 (swab test) dan melampirkan salinan keputusan saringan tersebut dengan salinan digital vaksinasi mereka bersama dokumen Permit-To-Work (PTW) yang perlu dipohon daripada Unit Pengurusan Fasiliti Bangunan.</p>	Pukal	L/S		
	ii	<p>Penyebut Harga juga perlu mendapatkan Surat Kebenaran daripada MITI sebelum memulakan kerja-kerja ubahsuai bagi tujuan ini.</p>	Pukal	L/S		
	iii	<p>Penyebut Harga yang dilantik hendaklah memastikan semua kakitangan yang terlibat menggunakan aplikasi MySejahtera untuk mengimbas QR Code dan mesin pengimbas suhu setiap kali memasuki premis Jabatan untuk melaksanakan kerja.</p>	Pukal	L/S		
JUMLAH DI BAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA						

BIL	PERKARA	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	HARGA (RM)
B	KERJA-KERJA UBAH SUAI & NAIK TARAF RUANG PEJABAT				
	I	KERJA-KERJA SEKATAN DINDING DALAMAN DAN PINTU			
1	Kerja-kerja membuka dan memasang semula sekatan partition dinding asal dan pintu di ruangan pejabat pegawai KPPK (I) mengikut ukuran sebagaimana ditunjuk pada pelan ditandakan sebagai BILIK 1.	Lot	1 Lot		
2	Kerja-kerja memasang baru sekatan <i>frosted glass</i> dan pintu baru bagi dijadikan ruangan Solat Lelaki dan Perempuan dilaluan ruangan bekerja yang di jadikan mengikut ukuran sebagaimana pada pelan dan ditandakan sebagai BILIK 2 & 3.	Lot	2 Lot		
3	Kerja-kerja memasang baru sekatan gypsum board partition dan pintu baru bercermin bagi dijadikan ruangan pejabat Pembantu Peribadi (PA) kepada Timbalan Pengarah Pentadbiran mengikut ukuran sebagaimana pada plan dan ditandakan sebagai BILIK 4 termasuk membekal dan memasang pintu bercermin menggantikan pintu asal ke bilik Timbalan Pengarah Pentadbiran.	Lot	1 Lot		
4	Kerja-kerja meroboh sekatan dinding asal dari jenis partition <i>Gypsum Board</i> bagi diadakan laluan ke Ruang Café di Aras 2 Blok Selatan termasuk membekal dan memasang pintu diruangan baru tersebut mengikut ukuran yang ditunjukkan pada pelan.	Lot	1 Lot		

5	Kerja-kerja membuka dan memindahkan Meja Table Top buatan dari bahan Marble dan binaan kayu yang tidak digunakan sebagaimana diruangan asal dapur yang ditandakan pada pelan.	Lot	1 Lot		
